



NOTA PENJELASAN

Kami merujuk kepada surat pekeliling (**Pekeliling Nasihat Kandungan 2/2020**) dan pengumuman penangguhan dari sebarang tindakan yang dikeluarkan oleh Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Forum Kandungan) masing-masing pada 16 dan 28 Julai 2020.

Pihak kami ingin menjelaskan bahawa pematuhan terhadap Kod Kandungan seperti yang dinyatakan di dalam pekeliling tersebut hanya terpakai kepada **medium elektronik dan bukannya medium cetak**.

Oleh itu, **tiada sebarang halangan kepada media cetak untuk beroperasi seperti biasa** melainkan terdapat pengubahan format ke dalam bentuk salinan digital dan diedarkan melalui rangkaian media elektronik, di mana iklan minuman keras dan alkohol menurut Kod Kandungan adalah tidak dibenarkan.

Kod Kandungan (Edisi Kedua) boleh dimuat turun dari laman web kami di <http://www.cmcf.my/download/cmcf-content-code-malay.pdf>

TAMAT

**PEJABAT PENGARAH EKSEKUTIF
FORUM KANDUNGAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
Selangor, Malaysia
3 Ogos 2020**

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Pejabat Eksekutif CMCF

Emel: secretariat@cmcf.my